

MEDAN BAHASA

Mengenang jasa pejuang-pejuang bahasa dan kesusasteraan

“Dari dahulu hingga sekarang sudah terkenal dalam dunia ini pengaruh pena yang runcing boleh mengalahkan pedang yang tajam.” – Kata Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, dalam ucapan di radio baharu-baharu ini. Ucapan beliau yang sepenuhnya adalah seperti berikut
-P.Q

(Oleh: Syed Nasir, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka)

Bahasa dan kesusasteraan adalah satu bahagian yang penting dalam susunan tubuh sesuatu bangsa, sehingga dikatakan bahawa sesuatu bangsa itu dikenal dengan sebab ada satu bahasanya, satu kepentingannya, satu kebudayaannya, satu tumpahan taat setianya atau negaranya dan lain-lain lagi. Bahasa itu menyempurnakan wujudnya sesuatu bangsa atau boleh kita katakan tidak lengkap wujudnya sesuatu bangsa kalau tidak ada bahasanya.

Jika kita membaca sejarah bangsa-bangsa diseluruh dunia ini tak dapat tidak akan kita jumpai bahasa memegang peranan yang penting. Kita jumpai bahasa Greek menjadi sebahagian dari bahasa Greek, menyalurkan fikiran yang tinggi-tinggi dari pendeta-pendeta dan filsuf-filsuf Greek yang terkenal. Kita jumpai bahawa Latin menjadi sendi kemajuan bahasa Roman, kita jumpai bahasa Parsi, bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Inggeris, bahasa Jerman dan lain-lain bahasa menjadi pelengkap yang

utama bagi tiap-tiap bangsa yang pada zaman masing-masing menjadi ikutan fikiran dan kehidupan alam itu.

Bahasa itulah yang digunakan oleh ahli-ahli fikir, ahli-ahli seni (sastera) ahli-ahli ilmu (sains) dan ahli negara, sebagai alat untuk memimpin fikiran dan kecerdasan manusia. Dan dari ketinggian fikiran dan kecerdasan itulah terbentuk suatu bangsa yang maju, kuat dan jaya.

Oleh sebab itu tidak hairan kalau kita dapat dalam sejarah segala bangsa dunia ini nama pakar-pakar bahasa, nama pejuang-pejuang bahasa, nama ahli-ahli sastera tercatit sejajar dengan nama ahli-ahli negara, ahli-ahli fikir, pahlawan-pahlawan perang dan lain-lain yang dipandang berjasa dalam pembentukan satu bangsa. Dalam zaman feudal ahli-ahli bahasa dan sastera dihargai dengan gelaran-gelaran secara feudal, dalam zaman demokrasi pengarang-pengarang, wartawan-wartawan, sasterawan-sasterawan dan pakar-pakar bahasa disanjung tinggi

oleh rakyat; dicatit namanya dalam dewan-dewan kesenian dan perpustakaan-perpustakaan orang ramai. Dalam zaman sekarang ada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa memberi hadiah kehormat kepada ahli-ahli bahasa dan sastera disamping sanjungan dan kenangan jasa yang diberi dalam tiap-tiap negeri masing-masing.

Dari dahulu hingga sekarang sudah terkenal dalam dunia ini pengaruh pena yang runcing boleh mengalahkan pedang yang tajam. Adapun yang jadi perlu pena yang runcing itu ialah bahasa atau hasil sastera. Demikian pentingnya bahasa dan kesusasteraan dalam pembentukan sesuatu bangsa – baik fikiran mahu pun pentadbirannya.

Kita di Persekutuan Tanah Melayu ini pun termakan pengaruh penjajahan oleh sebab bahasa juga, bahasa penjajah yang telah mendarah daging dengan anak bangsa kita. Dalam perjuangan kemerdekaan, dalam peringkat membangunkan rakyat dari tidurnya, para ahli bahasa, ahli sastera dan wartawan-wartawan telah menggunakan penanya untuk menyokong perjuangan itu. Dan bangsa Melayu ini sendiri menjadi terkenal dari dahulu hingga sekarang kerana ada bahasanya. Dari zaman megahnya sampai ke zaman jatuh dan kemudian dalam zaman kesedarannya pula bangsa Melayu mempunyai orang-orang yang berjuang dalam lapangan bahasa dan sastera, orang-orang yang perjuangannya tidak kurang penting dari perjuangan ahli-ahli politik dan lain-lain.

Saya tidaklah bermaksud hendak menghuraikan sejarah perjuangan atau sejarah orang-orang yang berjasa dalam perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu dari zaman dahulu hingga sekarang. Akan tetapi pada saat yang bersejarah ini, saat merayakan ulang tahun pertama tercapainya kemerdekaan Tanah Melayu ini Dewan Bahasa

dan Pustaka merasa bertanggungjawab mengenang semula hal yang penting itu. Pejuang bahasa dan kesusasteraan adalah perjuangan kebangsaan yang sama tarafnya dengan pahlawan-pahlawan di medan perang, ahli-ahli politik di meja persidangan dan pahlawan-pahlawan tani yang meneroka hutan rimba dari zaman ke zaman, dan lain-lain pejuang dari lapangan masing-masing.

Pandanglah sejarah bahasa kita ini maka tuan-tuan akan melihat pejuang bahasa dan kesusasteraan yang besar jiwanya. Sesungguhnya tidak semua pejuang itu dapat kita kenal namanya kerana beberapa sebab tetapi nyata sekurang-kurangnya dalam kurun yang ketujuh belas, iaitu zaman Johor Tua dan zaman kerajaan Aceh waktu gemilangnya, ahli-ahli bahasa dan sastera seperti Buḥārī al-Juhūrī pengarang *Taj al-Salātin*; Tun Seri Lanang

Penggemar-penggemar syarahan radio tentunya telah mendengar syarahan Datuk Haji Abdul Jalil bin Husin, Naib Mufti Johor. Syarahan beliau hebat dan berisi. Bacalah syarahan beliau mengenai tiga perkara:

Tiga Serumpun

Mengenai Hijrah

Mengenai Tauhid

dan

Binaan Kaedah Islam

Tiga syarahan di dalam sebuah buku

Serial Syarahan 1 yang diterbitkan oleh Qalam.

Senaskhah 40 sen post 10 sen.

pengarang *Sulālat al-Salāṭīn* (Sejarah Melayu), Shaykh

Nur al-Dīn al-Ranīrī pengarang *Bustān al-Salāṭīn*, Hamzah

Fanṣūrī penyair tasawuf yang tinggi mutunya, dan lain-lain lagi, semuanya mendapat penghargaan dari raja-raja dan juga rakyat pada zamannya masing-masing. Dan hasil ciptaan mereka dihargai hingga ke zaman kita ini.

Kemudian muncul pula Raja Chulan, penyair dan juga pengarang prosa yang terkenal dalam zaman Perak kurun yang kedelapan belas. Raja Chulan telah mencatatkan sejarah Perak kira-kira 1742 hingga 1778 dalam bukunya *Misa Melayu*. Beliau juga mendapat penghargaan yang tinggi daripadanya rajanya Sultan Iskandar. Dan hingga sekarang *Misa Melayu* menjadi bahan yang penting dalam kesusasteraan lama Melayu.

Dalam kurun yang kesembilan belas muncul pula tokoh-tokoh seperti Munshi Abdullah, Raja Ali Haji bin Raja Ahmad pengarang *Salasilah Melayu dan Bugis*; pengarang Syahbandar Muhammad Salih Brunei, pengarang syair *Rakis Dua Belas* yang mengkritik dan menasihatkan Rajanya berkenaan dengan membuat perjanjian - menyerahkan Labuan kepada British. Syair ini ada di dalam simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa ini. Dan selain daripada itu tidak pula dapat dilupakan Allahyarham Datuk Sri Amar Diraja Johor, Abdul Rahman bin Andak yang menghidupkan semula bahasa Melayu dalam pejawatan Johor. Saudagar Putih, dari Kedah dengan ciptaan-ciptaannya *Hikayat Bustamam* dan *Ganja Mara* dan lain-lain lagi. Semuanya itu bukan sahaja mendapat penghargaan bahkan juga mendapat galakan dari pihak yang berkuasa zaman masing-masing. Dan lebih-lebih lagi hasil mereka mendapat penghargaan kebangsaan hingga zaman ini.

Kemudian datanglah zaman suram dalam kehidupan

kebangsaan kita, zaman penjajahan menakluki negeri dan fikiran bangsa kita seluruhnya. Politik, ekonomi, kebudayaan dan juga bahasa kita menjadi korban penjajahan belaka. Selain dari Allahyarham Datuk Haji Muhammad Said yang mendapat penghargaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang ada sekarang, maka pejuang-pejuang bahasa dan kesusasteraan yang lain sama juga dengan pejuang-pejuang politik zaman penjajahan tiada mendapat penghargaan dari pihak yang berkuasa masa itu.

Sungguhpun demikian, barangkali kerana semangat demokrasi telah tersebar dengan luasnya dalam kalangan bangsa kita dalam kurun yang akhir-akhir ini, maka rakyatlah yang menghargai dan menjunjung tinggi jasa-jasa pejuang bahasa dan kesusasteraan kita itu.

Siapakah di antara kita yang dapat melupakan tokoh-tokoh seperti Munshi Sulaiman, Syed Syeikh Abdul Hadi, Raja Haji Yahya, Abdul Rahim Kajai, Pendeta Za'ba dan lain-lain, serta mereka yang kemudian meneruskan perjuangan tokoh-tokoh itu dalam rangka kesedaran kebangsaan hingga ke saat kemerdekaan dan sehingga ke masa mengisi kemerdekaan ini. Tandanya rakyat tetap menjunjung tinggi tokoh-tokoh dan pejuang-pejuang itu dapat dibuktikan betapa Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ketiga di Johor Baharu / Singapura dahulu telah dengan sebulat suara memberikan gelaran Pendeta kepada Za'ba dan kita dengar di sana sini rakyat mengadakan malam-malam peringatan Abdul Rahim Kajai dan sebagainya.

Sesungguhnya jasa-jasa ahli bahasa dan kesusasteraan ini tak pernah dilupakan oleh sesuatu

bangsa, terutama oleh bangsa yang bergerak dengan seluruh bahagian-bahagian masyarakatnya untuk menghidupkan semula pelita kebangsaan dan kemerdekaan yang sudah lama malap. Akan tetapi pejuang-pejuang bahasa dan sastera terjumlah ke dalam lapangan pejuang-pejuang bahasa dan sastera terjumlah ke dalam lapangan pejuang-pejuang ilmu dan seni yang tidak memulakan kerjanya dengan niat mendapat nama atau pembalasan jasa.

Dan oleh kerana itulah pula, kerana keikhlasannya itu, sudah kenalah pada tempatnya jika mereka mendapat penghargaan.

Apabila kita sedang mengingat saat bersejarah yang penting dalam kehidupan kebangsaan kita ini, iaitu saat mengingati ulangtahun pertama tercapainya kemerdekaan kita, maka Dewan Bahasa dan Pustaka yang diberi tugas menghidupkan semula kedaulatan bahasa Melayu yang sekarang telah dijadikan bahasa kebangsaan negara merdeka Persekutuan Tanah Melayu, merasa patut mengingati jasa-jasa pejuang-pejuang dan tokoh-tokoh bahasa dan kesusasteraan kita

itu, sekurang-kurangnya dikenang-kenang oleh kita sekalian. Mengenang jasa mereka yang telah berbuat jasa itu bererti juga memberi galakan dan sokongan kepada perjuangan yang akan diteruskan oleh pejuang-pejuang baharu yang akan lebih besar lagi tanggungjawabnya.

Bagi penutup ucapan ini, saya suka menegaskan kepada pembaca-pembaca yang dihormati sekalian bahawa tujuan yang utama saya mengajak masyarakat kita mengingati atau mengenang jasa tokoh-tokoh dan pejuang-pejuang bahasa kita itu ialah kerana sebagai tuan-tuan ketahui bahasa dan kesusasteraan adalah alat yang penting dalam perjuangan kita membentuk satu bangsa yang merdeka dan juga alat yang penting dalam kerja-kerja mengisi kemerdekaan itu. Mudah-mudahan akan teruslah lapangan perjuangan yang mustahak ini diisi oleh tokoh-tokoh dan pejuang-pejuang baharu yang bersemangat. Bahasa Jiwa Bangsa



Kanan: Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tuan Tan Siew Sin, sedang membuka rundingan perdagangan antara Persekutuan dan Australia, yang diadakan pada bulan Ogos yang baharu lalu di ibu negeri Persekutuan Tanah Melayu.

Kiri: Wakil Ketua Menteri Perdagangan Australia, Tuan J Mac Evan (kanan) dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Persekutuan, Tuan Tan Siew Sin, sedang menandatangani persetujuan perdagangan antara kedua buah kerajaan pada satu upacara yang dilangsungkan di Kuala Lumpur pada 26 Ogos yang lalu.